

Saranan sultan disokong

BM: 7/7/2007

Pakar, persatuan peguam setuju guna Bahasa Malaysia di Mahkamah

Oleh Amirullah Andi Nur

KUALA LUMPUR: Pakar bahasa dan persatuan peguam menyambut baik saranan Sultan Kelantan supaya pengamal undang-undang di negara ini menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia dalam prosiding mahkamah bagi meningkatkan martabat bahasa kebangsaan itu.

Bagaimanapun, mereka sepakat usaha itu hanya akan berjaya sekiranya semua pihak terbabit, khususnya peguam, pegawai pendakwa, badan kehakiman dan peguam bela sedia memberi kerjasama sepenuhnya.

Pakar bahasa, Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, berkata saranan Tuanku Ismail Petra itu perlu diberi perhatian dan semua pihak terbabit tidak lagi wajar memberi pelbagai alasan termasuk kononnya berdepan masalah kekurangan istilah.

"Kalau tidak ada istilah dalam Bahasa Malaysia, kita boleh meminjam

istilah Bahasa Inggeris. Pada saya, itu bukan masalah besar jika kita semua bersikap ikhlas.

"Bagi mereka berasakan tidak lagi boleh bertutur menggunakan Bahasa Malaysia, mereka kena cuba dan terus mencuba. Kalau tidak dimulakan, bagaimana kita hendak mahir.

“Semua pihak terbabit perlu memahami objektif keadilan dan bukan menganggap bahasa pengantar seperti Bahasa Malaysia sebagai penghalang”

Tan Sri Abu Zahar Ujang
Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim

"Kita menjunjung kasih atas keprihatinan Tuanku itu. Kalau ramai pemimpin mempunyai semangat seperti itu terhadap bahasa kebangsaan, kita sangat bersyukur," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Kelmarin, ketika merasmikan Bangunan Mahkamah Majistret Jeli di Kelantan, Tuanku Ismail Petra, meminta pengamal undang-undang di negara ini menggunakan sepenuhnya bahasa Malaysia dalam prosiding mahkamah bagi meningkatkan martabat bahasa kebangsaan itu.

Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Tan Sri Abu Zahar Ujang, berkata penggunaan sepenuhnya Bahasa Malaysia dalam prosiding mahkamah sangat wajar selepas negara merdeka selama 50 tahun.

Katanya, semua pihak sama ada pendakwa, kehakiman atau pembela perlu mempunyai iltizam untuk terus setia pada bangsa dan negara di samping berasa megah memartabatkan bahasa kebangsaan itu.

"Kita perlu memahami bahawa Ba-

hasa Inggeris ialah bahasa pengantar, sama seperti Bahasa Malaysia. Jadi tidak semestinya keadilan hanya boleh dilaksanakan melalui Bahasa Inggeris," katanya.

Naib Presiden Majlis Peguam, K Raganan, berkata pihaknya sentiasa menyokong penggunaan Bahasa Malaysia dalam prosiding mahkamah dan sudah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan usaha berjalan lancar.

Beliau berkata, pada masa ini hampir kebanyakan generasi muda peguam di negara ini berkemahiran dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris.

"Berbanding di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, kita boleh dianggap lebih ke depan kerana mempunyai ramai peguam yang mahir dalam dwibahasa.

"Kemahiran berbahasa Inggeris satu kelebihan kerana dalam keadaan tertentu seperti membabitkan isu perundangan atau perdagangan antarabangsa, ia akan memudahkan urusan kita," katanya